

Persepsi Pelajar- Pelajar Institut Kemahiran Mara (IKM) Terhadap Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Program Sijil Teknologi Elektrik Domestik Dan Industri Yang Sedang Mereka Ikuti

Mohamad Abdillah Bin Royo & Nurhafiza Binti Mohamadon
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini dijalankan untuk mengkaji persepsi pelajar-pelajar Institut Kemahiran MARA (IKM) terhadap proses pengajaran dan pembelajaran program Sijil Teknologi Elektrik Domestik dan Industri. Kajian ini merupakan satu kajian kes yang dijalankan di IKM Besut , Terengganu dan IKM Johor Bahru, Johor. Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui persepsi pelajar terhadap pengaplikasian kemahiran amali, pengaplikasian pengetahuan daripada segi pengetahuan teori dan pengetahuan umum, kemudahan yang disediakan, pendedahan maklumat kerjaya dan pendedahan berhubung pihak industri. Sampel kajian ini terdiri daripada 66 responden yang mana 33 orang responden dari IKM Besut dan 33 Orang dari IKM Johor Bahru. Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik. Terdapat dua bahagian dalam soal selidik yang disediakan di mana bahagian A merangkumi maklumat yang berkaitan dengan diri responden manakala bahagian B adalah berkaitan dengan persoalan kajian bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Data-data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan perisian *SPSS for Windows* versi 13.0 untuk mendapatkan nilai taburan kekerapan, peratusan dan min. Kajian rintis telah dijalankan terhadap 10 orang responden yang terdiri daripada pelajar dari IKM Johor Bahru.. Hasilnya, didapati nilai alpha yang diperoleh 0.9197. Pada keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan persepsi pelajar-pelajar Institut Kemahiran MARA (IKM) terhadap proses pengajaran dan pembelajaran program Sijil Teknologi Elektrik Domestik dan Industri adalah bersifat neutral. Ini menunjukkan proses pengajaran dan pembelajaran di IKM belum sampai ke tahap yang memuaskan pada pandangan pelajar.

Katakunci : persepsi pelajar, IKM, sijil teknologi elektrik domestik dan industri

Pengenalan

Malaysia merupakan negara membangun yang sedang menuju ke arah era perindustrian bagi mencapai matlamat wawasan 2020. Malaysia bakal mengalami satu perubahan besar iaitu revolusi perindustrian seperti yang telah berlaku di Negara Eropah yang mengalami zaman tranfomasi pada tahun kurun ke 18. Transfomasi tersebut berlaku akibat daripada permintaan produk yang meningkat. Dengan peningkatan permintaan hasil produk, maka kemahiran tenaga kerja manusia serta kepakaran yang dimiliki harus digiatkan untuk membangunkan serta memperkembangan perindustrian negara.

Pendidikan yang berasaskan teknikal serta kejuruteraan merupakan pemangkin utama bagi menjana kemahiran sumber tenaga manusia yang berpengetahuan, berkemahiran dan berketrampilan bagi memenuhi keperluan industry untuk meneroka dan menerajui bidang teknologi serta kejuruteraan di Malaysia. Pendidikan teknikal merupakan pendidikan yang menitikberatkan tentang bidang teknologi, kejuruteraan dan kemahiran.

IKM adalah merupakan sebuah institusi pendidikan yang di kendalikan oleh agensi yang di tubuhkan di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA). Objektif penubuhan Institusi ini terdapat kelainan jika dibandingkan dengan pusat kemahiran sedia ada kerana sasaran yang hendak di capai agak luas. Antara strategi penubuhan MARA merangkumi

1. Mewujud serta menambah bilangan usahawan di kalangan bumiputera dan meningkatkan taraf mereka dalam kegiatan perdagangan dan perusahaan ke arah pembentukan masyarakat peniaga yang berjaya dan kukuh.
2. Mengambil bahagian yang aktif dalam bidang perdagangan dan perindustrian tertentu melalui pelaburan dan pengurusan dalam syarikat-syarikat sebagai langkah memberi perlindungan untuk meningkatkan penyertaan bumiputera dalam dunia perniagaan
3. Menambah bilangan gunatenaga bumiputera yang terlatih dalam berbagai bidang di semua peringkat, khususnya untuk keperluan sektor perdagangan dan perindustrian,
4. Menggalakkan lain-lain kemudahan dan perkhidmatan yang sesuai serta menjadi pemegang amanah yang boleh membantu secara khusus atau umum bagi meninggikan taraf ekonomi dan sosial bumiputera

Pernyataan masalah

Memandangkan IKM merupakan satu program yang telah lama dilaksanakan oleh pihak MARA dan pelaksanaannya dilakukan secara besar-besaran, maka pengkaji ingin mengetahui tentang persepsi pelajar-pelajar di IKM sendiri yang merupakan penggerak kepada kelancaran IKM sama ada mereka diberikan segala keperluan yang sepatutnya sebelum menamatkan pengajian serta melangkah ke alam pekerjaan.

Aspek yang ingin dikaji adalah dalam aspek proses pengajaran dan pembelajaran terhadap pelajar- pelajar Sijil Teknologi Elektrik Domestik Dan Industri.

Objektif kajian

Berdasarkan persoalan kajian, pengkaji telah mengemukakan tujuan kajian ini dijalankan. Antara objektif- objektifnya adalah seperti berikut:

1. Mengenalpasti pengaplikasian pelajar terhadap kerja- kerja amali.
2. Mengenalpasti pengaplikasi pengetahuan- pengetahuan yang didedahkan oleh tenaga pengajar.
3. Mengenalpasti kemudahan-kemudahan yang di sediakan mencukupi dan memenuhi proses pembelajaran.
4. Memastikan maklumat tentang prospek kerjaya di terangkan kepada pelajar – pelajar tersebut.
5. Memastikan pihak kolej membuat perhubungan dengan pihak industri.

Kepentingan kajian

Setiap kajian yang dijalankan mempunyai kepentingannya yang tersendiri agar tindakan yang sewajarnya dapat diambil. Kajian ini juga diharapkan dapat membantu memberikan gambaran yang sebenar tentang keadaan IKM. Pengkaji berharap hasil kajian ini dapat digunakan oleh pihak yang tertentu untuk membuat satu kesimpulan yang boleh membantu menampung jika terdapat apa-apa kekurangan. Pengkaji ingin menegaskan bahawa kajian yang di buat mempunyai pelbagai kepentingan berdasarkan persoalan yang di kemukakan. Pengkaji juga Antara kepentingannya ialah :

1. Kajian ini dapat memberikan maklumat kepada pihak IKM tentang tahap Proses pengajaran dan pembelajaran, samada dari segi kemahiran mahupun pengetahuan yang sepatutnya diberikan kepada pelajar– pelajar dalam memenuhi matlamat asal penubuhan IKM iaitu membekalkan pelajarpelajar dengan ilmu yang secukupnya terhadap bidang yang bakal mereka ceburi nanti.

2. Pihak IKM juga dapat mengesan kelemahan-kelemahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sekiranya kelemahan tersebut berpunca dari kemudahan yang di sediakan. Kesan dari itu berkemungkinan pihak IKM akan cuba memenuhi kekurangan tersebut secara berperingkat-peringkat.
3. Kajian ini juga secara langsung akan dapat memberitahu pihak IKM tentang pentingnya pelajar-pelajar tersebut di beri penerangan tentang kerjaya masa depan mereka setelah menamatkan pengajian. berharap semoga hasil kajian yang bakal diperolehi akan memberi faedah.


Reka Bentuk Kajian

Kaedah yang akan digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kuantitatif untuk tinjauan deskriptif. Kaedah ini digunakan bagi menghuraikan serta membuat ringkasan pada maklumat atau data yang diperolehi bagi populasi ataupun responden. Kaedah soal selidik digunakan untuk mendapatkan kekerapan dan peratusan di mana ianya bersesuaian dengan kaedah reka bentuk ini. Reka bentuk kajian membimbing pengkaji ke arah mendapatkan maklumat dan data berhubung dengan tujuan kajian dijalankan. Menurut Mohd Najib (1999), fungsi reka bentuk kajian adalah untuk membantu pengkaji mendapatkan jawapan yang jelas terhadap masalah kajian.

Populasi dan Sampel Kajian

Mereka yang terlibat sebagai responden adalah dikalangan pelajar-pelajar IKM. Pengkaji telah menggunakan seramai 40 dari IKM Besut dan 40 orang pelajar dari IKM Johor Bahru. Namun, berdasarkan Jadual Morgan D.W, 80 responden yang telah dipilih, hanya 66 sampel yang terbaik yang akan dianalisis.

Rajah 1: Bilangan pelajar bagi setiap Institut Kemahiran Mara (IKM) serta bilangan sampel yang dipilih



Instrumen Kajian

Untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki, pengkaji telah menggunakan satu set soal selidik. Kaedah ini digunakan kerana ianya bersesuaian dengan data yang diinginkan oleh pengkaji. Menurut Mohd Najib (2003), soal selidik adalah satu instrumen yang lazim digunakan untuk mengukur tingkah laku responden. Set soalan tersebut mengandungi 2 bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A terdiri daripada 3 item yang berkaitan dengan latar belakang responden manakala pada bahagian B terdiri daripada soalan yang berkaitan dengan soalan kajian di mana berkaitan dengan persepsi pelajar-pelajar mengenai program yang mereka sedang ikuti. Antara soalan kajiannya ialah, kepentingan pengetahuan dan kemahiran,

kepentingan kemudahan yang merangkumi pelbagai perkara seperti kemudahan peralatan dan mesin, bahan rujukan, serta persekitaran tempat latihan.

Bahagian A mengandungi tiga item soalan bagi tujuan mengumpul maklumatmaklumat responden seperti berikut :

- i) Umur
- ii) Jantina
- iii) Pengalaman bekerja

Pelajar-pelajar hendaklah membulatkan jawapan yang bersesuaian dengan biodata peribadi pelajar-pelajar. Bahagian B dalam soal selidik ini mengandungi 30 item soalan. Ianya mengenai persepsi pelajar-pelajar secara lebih terperinci seperti mana yang terdapat pada soalan kajian. Pada bahagian ini, pelajar-pelajar diminta untuk membulatkan jawapan yang difikirkan sesuai oleh mereka. Hanya satu jawapan sahaja yang di benarkan untuk setiap item.

Kajian rintis

Kajian rintis telah dijalankan sebelum kajian sebenar dijalankan. Kajian rintis perlu dijalankan sebelum sesebuah kajian dijalankan bagi menjamin kurangnya ralat dalam kajian sebenar kerana kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik yang digunakan telah diuji.

Tujuan kajian rintis dibuat dalam kajian bagi menguji kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik yang digunakan dalam kajian sebenar. Sebanyak 10 orang responden yang terdiri daripada IKM Johor Bahru yang mengikuti kursus STEDI yang dipilih secara rawak untuk tujuan ini. Nilai kestabilan kebolehpercayaan hasil dari kajian rintis ini ialah 0.92 dengan menggunakan kaedah Alpha Cronbach.

Kesahan bagi borang soal selidik telah dilakukan dengan memberikan soal selidik kepada pakar dalam bidang tersebut bagi memastikan item- item yang dikemukakan oleh pengkaji terang dan jelas.

Tujuan lain kajian rintis ini dijalankan adalah seperti berikut:

- i) Memastikan istilah dan struktur ayat dalam soal selidik. Responden diminta membulatkan istilah- istilah yang mereka kurang faham maksudnya.
- ii) Memastikan responden memahami setiap pernyataan dan soalan ujian yang digunakan. Ini dilakukan dengan membenarkan pelajar bertanyakan pengkaji.

Hasil daripada kajian rintis ini, pengkaji akan mendapat keputusan seperti berikut:

- i) Perkataan- perkataan dan struktur ayat yang digunakan dalam instrumen adalah mudah difahami oleh responden yang terlibat dalam kajian rintis ini.
- ii) Beberapa struktur ayat dipermudahkan agar sesuai dengan pengalaman responden tanpa mengubah kehendak pernyataan asal.
- iii) Selain itu, beberapa item dalam soal selidik perlu diperbaiki kerana mempunyai min yang rendah berbanding item yang lain.

Berdasarkan nilai alpha cronbach yang diperolehi, nilai tersebut dibanding pada Jadual 1 agar prosedur selanjutnya dapat dijalankan.

Jadual 1: Pekali Alpha Conbach

| Nilai | Tahap | Tindakan |
|-----------|-----------|------------------------|
| 0.0 - 0.2 | Rendah | (Ubah kesemua item) |
| 0.2 - 0.8 | Sederhana | (Ubah sebahagian item) |
| 0.8 - 1.0 | Tinggi | Item boleh diterima) |

Rumusan Keseluruhan Data

Sebagai kesimpulannya, bagi menjawab setiap persoalan kajian yang telah dikemukakan pada Bab 1, Jadual 2 akan menunjukkan taburan peratusan min bagi setiap persoalan kajian.

Jadual 2 Taburan Peratusan Skala Pemingkatan 3 Mata Bagi Setiap Persoalan Kajian

| PERSOALAN KAJIAN | TIDAK SETUJU (%) | TIDAK PASTI (%) | SETUJU (%) | MIN | TAHAP |
|--|------------------|-----------------|--------------|-------------|------------------|
| Adakah pelajar- pelajar dapat mengaplikasikan kemahiran- kemahiran amali yang telah dipelajari? | 11.88 | 20.94 | 67.18 | 3.67 | Sederhana |
| Adakah pelajar- pelajar dapat mengaplikasikan pengetahuan- pengetahuan yang didedahkan oleh pensyarah? | 2.00 | 16.42 | 81.58 | 4.04 | Tinggi |
| Adakah kemudahan yang di sediakan oleh pihak IKM mencukupi untuk proses pembelajaran ? | 12.88 | 27.27 | 59.85 | 3.61 | Sederhana |
| Adakah pelajar – pelajar di dedahkan maklumat tentang kerjaya pilihan mereka? | 11.88 | 22.23 | 65.90 | 3.70 | Sederhana |
| Adakah pelajar – pelajar tersebut mendapat pendedahan berhubung pihak industri? | 5.03 | 18.4 | 76.57 | 3.99 | Sederhana |
| Jumlah purata | 8.73 | 21.1 | 70.22 | 3.82 | sederhana |

Jadual 2 menunjukkan purata secara keseluruhan bagi menjawab setiap pernyataan masalah yang dikemukakan dalam kajian pengkajian ini iaitu Persepsi Pelajar- Pelajar IKM Terhadap Program Sijil Teknologi Elektrik Domestik Dan Industri Yang Sedang Mereka Ikuti.

Untuk persoalan kajian yang pertama, sebanyak 67.18 peratus responden bersetuju bahawa mereka dapat mengaplikasikan kemahiran- kemahiran amali yang telah mereka pelajari. Manakala 20.94 peratus responden tidak pasti mengenai pengaplikasian kemahiran amali yang mereka perolehi dan dikuti sebanyak 11.88 peratus responden tidak bersetuju mengenai

persoalan kajian mengenai pengaplikasian kemahiran- kemahiran amali yang telah mereka pelajari.

Bagi persoalan kajian 2 pula, peratusan tertinggi adalah dicatatkan untuk responden yang bersetuju sebanyak 81.58 peratus bahawa mereka mengaplikasikan pengetahuan- pengetahuan iaitu pengetahuan umum dan juga pengetahuan teori yang didedahkan oleh pensyarah manakala 2.0 peratus tidak pasti mereka telah mengaplikasikan pengetahuan- pengetahuan yang diberikan oleh pensyarah. Sebanyak 2.0 peratus responden tidak mengaplikasikan pengetahuan- pengetahuan tersebut.

Persoalan kajian 3 pula menunjukkan sebanyak 59.85 peratus responden bersetuju dengan kemudahan yang disediakan oleh pihak IKM mencukupi untuk proses pembelajaran. Diikuti dengan tidak pasti dan tidak setuju bagi persoalan kajian 3 ini yang masing- masing mempunyai nilai peratusan sebanyak 27.27 peratus dan 12.88 peratus.

Untuk persoalan kajian 4 iaitu sebanyak 65.90 peratus responden dimaklumkan peratus pula tidak bersetuju dengan persoalan kajian tersebut manakala 22.23 peratus responden tidak pasti dengan pendedahan maklumat tentang kerjaya pilihan mereka.

Akhirnya, untuk persoalan kajian 5, peratusan skor paling tinggi dicatatkan adalah responden yang bersetuju tentang pendedahan berhubung dengan pihak industry dengan sebanyak 76.57 peratus dan diikuti 18.4 peratus untuk responden yang tidak pasti dan 5.03 peratus bagi responden yang tidak bersetuju.

Secara keseluruhan, menunjukkan bahawa 70.22 peratus bersetuju mengenai persepsi- persepsi pelajar- pelajar IKM tentang pengaplikasian kemahiran- kemahiran amali yang telah mereka pelajari, pengaplikasian pengetahuan- pengetahuan iaitu teori dan juga umum yang didedahkan oleh pensyarah, kemudahan yang disediakan oleh IKM mencukupi bagi melaksanakan proses pengejaran dan pembelajaran, pendedahan maklumat kerjaya mereka dan pendedahan berhubung dengan pihak industry mengikut bidang yang mereka ikuti. Walaubagaimanapun, ada segelintir pelajar yang tidak pasti dan tidak setuju dengan setiap persoalan kajian yang dikemukakan iaitu sebanyak 21.05 peratus dan 8.73 peratus .

Kesimpulannya, berdasarkan nilai min yang terdapat pada jadual tersebut mengikut setiap persoalan kajian, tahap persepsi para pelajar terhadap kusus STEDI yang mereka ikuti adalah berada pada tahap sederhana.

Perbincangan

Untuk persoalan kajian yang kedua, perbincangan ini merangkumi pengetahuan teori di mana ilmu yang diberikan oleh tenaga pengajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran dan juga pengetahuan umum yang terdiri daripada aspek pengetahuan moral, budaya kerja dan disiplin. Hasil daripada dapatan kajian mengenai aspek pengetahuan umum, pihak IKM memberi penekanan yang sewajarnya dengan memperolehi nilai min yang paling tinggi berdasarkan perspektif pelajar.

Kemudahan dan peralatan fizikal merupakan antara faktor yang penting bagi melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Kemudahan fizikal tersebut perlu dijaga dan diselenggara. Ini adalah bertujuan supaya peralatan tersebut dapat digunakan dengan selamat. Sesebuah pusat kemahiran memerlukan segala kelengkapan peralatan dan mesin untuk menjalankan kerja- kerja amali serta aktiviti pengajaran agar perkara tersebut dapat berjalan dengan lancar tanpa sebarang gangguan.

Namun, terdapat kelemahan daripada segi penyediaan mesin. Pada pendapat pengkaji, sesuatu program yang melibatkan kemahiran memerlukan masa yang panjang serta penyediaan

peralatan dan mesin kos yang amat yang tinggi. Selain itu, mesinmesin ini juga memerlukan penyelenggaraan mengikut jadual yang telah ditetapkan agar mesin- mesin tersebut dapat berfungsi dengan baik serta tahan lebih lama untuk kegunaan pelajar- pelajar masa akan datang. Ini juga adalah kerana untuk menampung keperluan pelajar untuk melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. David Prat (1994) menyatakan bahawa dalam membuat perancangan kurikulum sesuatu organisasi memerlukan khidmat nasihat, dana kewangan dan peruntukan masa yang secukupnya untuk beroperasi secara sempurna.

Kerjaya masa depan merupakan salah satu faktor yang penting untuk menentukan hala tuju seseorang pelajar apabila mereka menamatkan pengajian kelak. Menurut Suradi Salim (1996), adalah penting bahawa anak- anak muda diberikan maklumat tentang pekerjaan agar membuat persediaan awal sebelum memasuki alam pekerjaan yang sebenar. Sekiranya mereka diberi maklumat yang salah, mereka dikhuatiri gagal menyesuaikan diri dan seterusnya gagal untuk melaksanakan kerja dengan baik.

Pihak industri merupakan salah satu pihak yang bertanggungjawab dalam memperkembangkan kerjaya masa depan para pelajar serta masyarakat sekitar. Pengkaji berpendapat bahawa perhubungan antara masyarakat dan industri adalah sangat penting kerana kedua- dua pihak saling berkait rapat untuk pembangunan serta perkembangan hidup manusia. Oleh itu, para pelajar perlu diberi pendedahan awal sebelum mereka menceburi alam pekerjaan.

Secara tidak langsung, para pelajar dapat merasakan perhubungan antara pihak industri adalah sangat penting sebelum mereka memasuki alam pekerjaan.

Rujukan

- Anderson, Jonathan. (1969). *“Study Method: A Practical Guide.”* Sydney: MCGraw- Hill Book Company.
- Baharudin Othman. (1998). *“Iklim Dan Susun Atur Bilik Darjah Mempengaruhi Prestasi Pengajaran Dan Pembelajaran.”* Pendekatan Penyelidikan Tindakan. Tempawan Jilid xvi (1-5)
- Dewey, J. (1993). *“How to Think Health.”* New York.
- Herzberg. (1996). *“The Motivation to Work.”* New York: John Wiley and Sons, Inc.
- Ibrahim Abu Samah. (1995). *“Keselesaan Dan Persepsi Pelajar Luar Bandar Terhadap Sumber Manusia Di Sarawak.”* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mok Soon Sang. (1996). *“Psikologi PendidikanI, Psikologi Perkembangan.”* Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- N. Rajendran, Ee Ah Meng. (1994). *“Pendidikan Moral Dinamika Guru.”* Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Robiah Sidin. (1998). *“Pemikiran Dalam Pendidikan.”* Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Som Hj Noor dan Dahalan Mohd Ramli. (2000). *“Kemahiran Berfikir Secara Kritis Dan Kreatif.”* Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Suradi Salim Dr. (1996). *“Bimbingan Dan Kaunseling.”* Utusan Publications & Distributor Sdn Bhd.
- Storm G. (1976). *“Managing The Occupational Education Laboratory.”* Michigan: Prakken Publications Inc.
- Yahya Emat. (1993). *“Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia.”* Petaling Jaya: IBS Buku.